



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA WARGA KEMENTERIAN
PERTAHANAN**

18FEBRUARI 2013 (ISNIN)

KEMENTERIAN PERTAHANAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Ahmad
Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan

YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan
Tentera

Pegawai-pegawai Kanan
Kementerian Pertahanan & Angkatan Tentera Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan warga Kementerian Pertahanan dan ATM yang dihormati sekalian.

UCAPAN TERIMA KASIH

1. *Alhamdulillah*, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, saya dapat berjumpa dengan warga Kementerian Pertahanan(MINDEF) pada hari ini.

2. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga MINDEF kerana sudi menerima kunjungan atau turun padang saya ke MINDEF pada petang ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

3. Seperti yang kita semua sedia maklum, Kerajaan telah menetapkan bahawa mempertahankan kepentingan-kepentingan Negara merupakan teras kepada kedaulatan dan kemerdekaan negara yang kita cintai ini. Objektiviti utama Dasar Pertahanan Negara pula ialah melindungi dan mempertahankan kepentingan Negara yang menjadi teras kepada kedaulatan, keutuhan wilayah, dan kesejahteraan ekonomi. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan bahawa kepentingan Malaysia tidak terjejas dari sebarang ancaman sama ada dari dalam atau luar Negara. Sehubungan ini, saya berpandangan bahawa peranan MINDEF adalah amat kritikal dan penting sekali.

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM, MEMBUDAYAKAN PENDEKATAN TURUN PADANG

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

4. Kita semua harus bersyukur dan merasa amat bertuah kerana Negara kita telah melalui banyak peringkat pembangunan dan transformasi ke arah mewujudkan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Saya bertekad untuk meneruskan transformasi tersebut melalui pelbagai pendekatan dan juga melalui konsep ‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam’ yang saya dukung semenjak menerajui pimpinan perkhidmatan awam ini. Kita perlu **“Pasang telinga dan buka mata”** bagi merasai sendiri apa jua masalah dan keperluan rakyat. Pendekatan yang saya maksudkan ini adalah budaya **turun padang**. Impian saya adalah untuk membudayakan pendekatan ini kepada setiap Penjawat Awam dan Angkatan Tentera supaya peka, dan dapat memahami perkara yang berlaku sehingga ke dasarnya. Seterusnya, tindakan segera perlu diambil bagi mengatasi masalah tersebut sebelum ia menjadi lebih serius.
5. Oleh itu, saya menyeru kepada semua supaya sentiasa mengamalkan pendekatan turun padang tidak kira kepada Penjawat Awam dan Angkatan Tentera di organisasi sendiri, anak-anak buah di Kem-kem Tentera, mahupun kepada rakyat di luar dari Perkhidmatan Awam. Pepatah ada menyebut, “kalau ada bukit, sama-samalah kita daki, dan kalau ada lurah, sama-samalah kita turuni”.

PELAKSANAAN DASAR-DASAR YANG TELAH DIPUTUSKAN OLEH KERAJAAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

6. Sepertimana peringatan yang kerap saya sampaikan kepada penjawat awam di seluruh Negara, Perkhidmatan Awam merupakan tonggak utama, dan tulang belakang kepada pentadbiran Negara dalam mentransformasikan negara bagi menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, penjawat awam perlu menerima cabaran bagi merealisasikan tujuh hala tuju yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini seperti berikut:

(i) Memastikan perpaduan nasional terus diperkukuhkan berpaksikan Gagasan 1Malaysia: “Rakyat di Dahulukan, Pencapaian Diutamakan”;

(ii) Menguruskan ekonomi dengan baik untuk memastikan pertumbuhan Negara terus berkembang dan pengagihan kekayaan kepada rakyat berdasarkan prinsip keadilan sosial;

(iii) Bajet 2013 perlu dilaksanakan dengan licin, lancar dan berkesan mengikut jadual yang telah ditetapkan;

(iv) Melaksanakan sepenuhnya Dasar Transformasi Nasional seperti GTP, dan ETP;

(v) Melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau “National Blue Ocean Strategy”;

(vi) Indeks Prestasi Utama (KPI) setiap Menteri dan Kementerian perlu dicapai sepenuhnya; dan

(vii) Meneruskan penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan berdasarkan enam prinsip baru perkhidmatan awam iaitu CTI (Cepat, Tepat dan Integriti), dan PCI (Produktif, Kreatif dan Inovatif).

7. Dalam hal ini, sokongan dan kerjasama di semua peringkat tidak mengira sama ada ketua jabatan, pegawai pengurusan mahupun kumpulan pelaksana amatlah diharapkan dalam memastikan kelangsungan serta kelancaran pelaksanaan keputusan-keputusan tersebut, agar matlamatnya tercapai dengan jayanya.

8. Oleh itu, saya dengan harapan yang tinggi menggalakkan usaha-usaha untuk melahirkan bijak pandai dari kalangan Penjawat Awam dan Angkatan Tentera yang sentiasa menyuntik inovasi dan kreativiti sekaligus mentransformasikan Perkhidmatan Awam dan ATM ke arah yang lebih dinamik dan meneruskan kesinambungan komitmen kearah mengukuhkan pertahanan Negara dan modenisasi angkatan tentera. Penjawat Awam dan Angkatan Tentera mesti melaksanakan pemikiran berbentuk kreatif dan inovatif secara lebih proaktif dengan disertai dengan sikap yang positif, peribadi yang mulia dan nilai-nilai yang unggul.

9. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga MINDEF dan juga peserta-peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang terlibat di dalam program 'My Beautiful Malaysia' di seluruh negara pada 3 Februari yang lalu.

10. YAB Perdana Menteri juga ketika pelancaran program My Beautiful Malaysia telah memperkenalkan 'Program Transformasi Sosial' (*Social Transformation Programme-STP*) yang melengkapkan Dasar Transformasi Nasional. Umpama sebuah kerusi, Dasar Transformasi Nasional kini telah lengkap mempunyai empat kaki, melalui GTP, ETP, PTP dan kini STP.
11. Program Transformasi Sosial kini sedang giat dilaksanakan Kerajaan berasaskan kepada penglibatan konstruktif golongan belia dalam proses pembinaan negara bangsa, berpandukan sistem nilai, budaya, dan sikap masyarakat yang kukuh. Marilah sama-sama kita semai amalan kesukarelawan dan semangat patriotisma di kalangan kita dan anak-anak kita demi pembangunan negara, dan bagi merealisasikan Wawasan 2020 dan status negara maju mengikut acuan kita.
12. Bertitik tolak dengan pelancaran My Beautiful Malaysia, dan juga 'Tahun Kesukarelawan' pada tahun ini, warga MINDEF juga perlu terus membina momentum dan semangat kesukarelawan demi pembangunan negara.

MENERAJUI PERUBAHAN, MELAKAR KEJAYAAN MELALUI STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Bagi merealisasikan agenda transformasi Negara, Kerajaan telah mengamalkan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang

menitikberatkan pemikiran kreatif dan gerak kerja inovatif dalam memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru kepada rakyat.

14. *“National Blue Ocean Strategy”* menggalakkan setiap penggerak inisiatif untuk mengikis pemikiran atau pendekatan kerja secara ‘silo’ yang sering mencorakkan budaya kerja dalam perkhidmatan awam. Hasilnya, setiap inisiatif yang dilancarkan berpegang kepada prinsip kos rendah, berimpak tinggi dan pelaksanaan yang pantas (*Low cost, high impact & rapid execution*).

15. Kementerian Pertahanan dan ATM tidak asing dengan pendekatan ini malah telah berjaya menerajui beberapa inisiatif *“National Blue Ocean Strategy”* di antaranya seperti Rondaan Bersama Tentera dan Polis, Program Pemulihan Pemasarakatan, 1Malaysia Veterans Recognition Program dan baru-baru ini, penubuhan *Military Community Transformation Center (MCTC)*.

16. Kejayaan inisiatif-inisiatif ini jelas menunjukkan kebijaksanaan MINDEF dalam menggunakan kreativiti dan inovasi untuk terus kekal relevan ketika waktu aman. Pelaksanaan program-program ini juga adalah selari dengan prinsip-prinsip seperti Pertahanan Menyeluruh atau (HANRUH), dan juga KESBAN (Keselamatan dan Pembangunan), di mana setiap lapisan masyarakat dipupuk dengan semangat patriotisme serta bersedia mempertahankan kedaulatan negara. Sehubungan ini, pertahanan negara bukan terletak di atas bahu atau pun tanggungjawab pasukan keselamatan, khususnya ATM, tetapi apa yang lebih penting sekali ialah penglibatan rakyat jelata yang sebenarnya akan memperkasakan benteng pertahanan negara.

MELETAKKAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

17. Kedaulatan sesebuah negara bukan hanya bergantung kepada keutuhan pertahanan negara tersebut, tetapi juga bergantung kepada kestabilan dan keselamatan serantau. Oleh itu, Malaysia telah mengambil langkah yang proaktif bagi menyokong penuh usaha organisasi-organisasi antarabangsa seperti ASEAN, ASEAN Regional Forum (ARF) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam memelihara keamanan sejagat.

18. Sebaik mencapai kemerdekaan negara pada tahun 1957, dan bermula dari tahun 1960 di Congo, Malaysia telah menyertai lebih 30 Operasi Pengaman di bawah panji PBB di serata dunia, dimana kita telah diberi mandat untuk menguatkuasa keamanan di negara-negara yang bergolak. Malah, pencapaian yang paling membanggakan Malaysia adalah apabila kita berjaya menyelaraskan kerangka perjanjian damai di antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) baru-baru ini.

19. Kejayaan-kejayaan ini adalah hasil dedikasi, komitmen dan kerjasama padu semua penjawat awam merentasi sektor perkhidmatan dalam memastikan aspirasi negara tercapai. Penglibatan yang aktif dalam pelbagai Misi Pengaman PBB juga menunjukkan kepercayaan masyarakat sedunia kepada Malaysia dalam mengekalkan keamanan sejagat.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

20. Sebuah perkhidmatan awam yang cekap, berkesan, responsif dan berani berubah adalah amat mustahak bagi menangani cabaran yang akan ditempuhi dalam usaha menjadi negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020 dan memastikan Malaysia terus kekal aman, maju dan makmur pada abad ke-21. Sesungguhnya pembaharuan yang akan dilakukan oleh perkhidmatan awam ini bukanlah bersifat '*top down*' tetapi sebaliknya, melibatkan jalinan dan gabungan semua peringkat dalam perkhidmatan awam dan Angkatan Tentera bermula dengan kepimpinan atasan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

21. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengingatkan bahawa kita tidak boleh sama sekali alpa dan berasa selesa dengan keamanan yang ada di Negara kita buat masa kini. Malah, dengan pembangunan Negara yang semakin pesat melalui Dasar Transformasi Nasional, sudah pasti akan ada anasir-anasir, di dalam mahu pun di luar negara yang cemburu dan iri hati dengan kejayaan pembangunan dan keamanan Negara kita ini.

22. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar warga MINDEF akan terus menunjukkan prestasi kerja yang baik, bertanggungjawab dan berintegriti dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan bagi meneruskan kesinambungan dan komitmen dalam mempertahankan kedaulatan Negara serta sentiasa bersedia sedia dalam menghadapi cabaran atau ancaman kepada pertahanan negara.

23. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada warga MINDEF atas aturan program yang dilaksanakan dengan jayanya, yang membolehkan saya beramah-mesra dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian di sebalik kesibukan memulakan tugas yang diamanahkan pada tahun baru 2013 ini.

Selamat maju jaya!

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.